

UCAPAN YB. DATO' SHAZIMAN ABU MANSOR
MENTERI KERJA RAYA
MAJLIS PEMBENTANGAN PROGRAM
EKSPEDISI JALAN PERSEKUTUAN BIL.4/2009
(JALAN PERSEKUTUAN FELDA SEMENANJUNG
MALAYSIA)

TARIKH : 27 APRIL 2009 (ISNIN)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : THE ROYALE BINTANG
SEREMBAN

TEKS DIBACAKAN OLEH:
Y.BHG DATUK THOMAS GEORGE
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

Yang dihormati, Saudara Pengacara Majlis

Y.A.B Dato' Seri Utama Haji Mohamad Bin Haji Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Dato' Haji Ismail bin Lasim
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Infrastruktur, Air, Tenaga dan Telekomunikasi
Negeri Sembilan

Y. Bhg. Puan Sri Zaiton Binti Mhad Ali
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)

Y. Bhg. Dato' Haji Nasir Bin Mat Dam
Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan)

Terlebih dahulu ingin saya menyampaikan salam daripada Y.B Dato' Shaziman bin Abu Mansor, Menteri Kerja Raya kepada seluruh tetamu jemputan yang telah sudi hadir. Seperti yang dimaklumkan kepada saya, beliau tidak dapat hadir pada malam ini kerana menghadiri satu majlis lain yang dirasmikan oleh Y.A.B Perdana Menteri. Sukacita saya meneruskan majlis ini dengan membacakan teks ucapan daripada beliau.

Dato' Seri, Puan Sri, Dato'-Dato, Datin-Datin, Rakan-Rakan Media, Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian.

Salam Sejahtera dan Selamat Petang,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan syabas kepada pihak urus setia kerana di atas penganjuran Program Ekspedisi Jalan Persekutuan dan seterusnya Majlis Taklimat Pembentangan Ekspedisi Jalan Persekutuan Bil.4/2009 (Jalan Persekutuan FELDA Semenanjung Malaysia) ini.

Dato' Seri, Puan Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

2. Saya telah dimaklumkan bahawa "Ekspedisi Jalan Persekutuan" ini telah diadakan bermula pada 18 April 2008 dan telah menjelajah ke setiap zon di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Ekspedisi ini adalah satu usaha Kementerian Kerja Raya melakukan pemantauan ke atas kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat konsesi.

3. Program ini juga adalah satu mekanisme yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk menambahbaik sistem penyampaian KKR khususnya dari segi penyelenggaraan dan pemantauan Jalan Persekutuan di seluruh negara. Pada

ketika ini, KKR menyelia 17,700 kilometer Jalan Persekutuan yang diwartakan sebagai Jalan Menteri Kerja Raya di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak dan ini bukanlah satu tugas yang mudah walaupun dasar penswastaaan Jalan Persekutuan telah diperkenalkan semenjak 2001 di Semenanjung Malaysia dan pada tahun 2003 di Sabah dan Sarawak.

4. Walaupun kita telah melakukan yang terbaik, saya merasakan masih ada ruang untuk warga Kementerian memastikan kualiti Jalan Persekutuan berada dalam keadaan yang lebih baik. Saya amat berharap program ini akan menjadi satu anjakan budaya kepada semua warga Kementerian untuk lebih peka terhadap pemantauan kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan.

5. Program seumpama ini juga akan menjadi kesinambungan kepada dasar kerajaan yang menuntut semua pemimpin dan kakitangan awam turun padang untuk mendengar rintihan dan menyelesaikan masalah rakyat.

Dato' Seri, Puan Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian,

6. Kementerian pada masa ini sedang melaksanakan satu kempen yang dikenali sebagai kempen "Sayangi Jalan Persekutuan". Kempen ini akan menjadi asas kepada pembudayaan semua warga KKR dan pengguna jalanraya supaya menanam sikap cintakan Jalan Persekutuan. Kita berharap kempen ini dapat membantu kita meningkatkan kualiti jalanraya di negara ini. Melalui kempen ini, kita juga berharap pengguna jalanraya dapat bersama-sama dengan warga Kementerian memantau kualiti Jalan Persekutuan. Sebarang aduan dan maklumat yang diketengahkan pastinya akan dapat membantu Kementerian mempertingkatkan mutu jalanraya di negara kita khususnya Jalan Persekutuan.

7. Saya juga difahamkan bahawa Program Ekspedisi Jalan Persekutuan ini juga akan menyertai pertandingan Anugerah Kualiti Sektor Awam bagi tahun ini iaitu di

bawah kategori Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA). Marilah kita sama-sama berdoa agar Kementerian kita meraih satu lagi anugerah yang dapat menjulang dan mengharumkan lagi nama Kementerian ini.

Dato' Seri, Puan Seri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Baru-baru ini negara mencipta satu lagi sejarah baru yang mana berlaku peralihan kepimpinan negara apabila YAB Dato' Sri Najib Tun Abdul Razak mengambil alih kepimpinan dari Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi. Semasa YAB Perdana Menteri mengumumkan barisan kabinet barunya, beliau ada menyebut satu slogan "Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

9. Kata-kata ini bukan sekadar satu slogan atau ungkapan di bibir sahaja, tetapi ia adalah satu semangat dan aspirasi baru kerajaan dan menuntut semua Menteri dan kakitangan awam supaya lebih progresif dan sentiasa berani menyahut cabaran serta memberikan perkhidmatan yang memberikan impak yang berguna kepada masyarakat dan negara. Persoalannya, bagaimana kita dapat meningkatkan prestasi kita semua dalam menyahut seruan ini?

10. Slogan ini semestinya perlu diterjemahkan dalam konteks bidang teras utama KKR iaitu merancang, melaksana dan menyenggara Jalan Persekutuan dan menyenggara Bangunan Gunasama Persekutuan disamping fungsi-fungsi utamanya yang lain. Hasilnya kita akan memperolehi rangkaian jalanraya yang berkualiti serta bangunan-bangunan gunasama yang selamat dan indah untuk kegunaan dan keselesaan rakyat di seluruh pelusuk negara. Selain daripada itu, aduan-aduan awam juga mestilah diambil perhatian dan ditangani secara serius bagi memenuhi kehendak pelanggan sehingga kita berjaya mencapai aduan sifar, selaras dengan cogan kata yang dilaungkan, "Satu Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan".

11. Saya ingin memetik serangkap ucapan YAB Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak dalam ucapan beliau semasa mengumumkan barisan kabinet barunya. Katanya: *“saya mahu memastikan agar struktur kerajaan akan memenuhi keperluan rakyat sebaik mungkin. Ia juga sebagai sebuah kerajaan yang diperkemas kini khusus bagi memastikan penyampaian khidmat awam yang lebih berkesan seiring dengan tuntutan zaman baru serba mencabar ini”*.

12. Inilah harapan Perdana Menteri, yang juga menjadi aspirasi dan tuntutan rakyat kepada kerajaan. Maka dengan itu, mahu atau tidak, kita seharusnya menyedari bahawa zaman ini tidak seperti dahulu lagi. Prinsip “kerajaan lebih mengetahui” atau *“government knows best”* sudah berlalu. Seiring dengan kepantasan kecanggihan teknologi, anggota Perkhidmatan Awam juga perlu memberikan perkhidmatan yang pantas, tepat dan berkualiti kepada rakyat.

Dato' Seri, Puan Sri, Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian,

13. Sebanyak RM545 juta telah diperuntukkan bagi kerja-kerja penyelenggaraan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia dalam bajet tahun 2009. Walau bagaimanapun peruntukan yang telah disediakan ini adalah tidak mencukupi bagi memastikan keadaan Jalan Persekutuan sentiasa berada dalam keadaan yang baik dan selamat sepanjang masa.

14. Di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi seperti yang diumumkan baru-baru ini, sebanyak RM 95 juta telah diperuntukkan kepada KKR bagi tujuan penyelenggaraan Jalan Persekutuan. Ini, membuktikan kemelesetan ekonomi dunia bukanlah penghalang kepada kerajaan untuk memberikan keselesaan dan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

15. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk menambah peruntukan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Ke-2 atau “mini bajet”, maka KKR sekali lagi telah

diberi tambahan peruntukan sebanyak RM200 juta di bawah program penurapan Jalan Persekutuan di seluruh Malaysia yang mana sebahagian besar daripada peruntukan ini telah diputuskan untuk diperuntukkan bagi kerja-kerja penurapan di Jalan Persekutuan FELDA. Di Negeri Sembilan sahaja, sebanyak RM 25.3 juta atau 20 projek telah diluluskan melibatkan 3 daerah iaitu daerah Tampin, Seremban dan Jempol. Ini juga membuktikan pembangunan seimbang yang difokuskan kerajaan terus dilaksanakan tanpa meminggirkan masyarakat FELDA di seluruh Malaysia.

16. Angka-angka ini juga membuktikan Malaysia masih mampu menangani krisis ekonomi dunia secara berhemah walaupun kesannya sedikit dirasai oleh negara dan apa yang lebih penting keutamaan kepada rakyat masih diutamakan dan segala projek pembangunan akan terus dilaksanakan dengan bijaksana demi kebaikan rakyat dan negara. Sebagai contoh di Negeri Sembilan misalnya, peruntukan siling untuk RMK-9 adalah sebanyak RM1.6 bilion yang mana melibatkan 13 projek dan daripada itu, 4 projek telahpun siap dan 9 baki projek lagi dalam pelaksanaan dan dijangka siap mengikut jadual.

Dato' Seri, Puan Sri, Dato'- Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan, Puan-Puan dan hadirin sekalian,

17. Saya amat berharap agar program ini dapat diteruskan malah dipertingkatkan lagi bagi memenuhi kehendak pelanggan terhadap sistem penyampaian Kerajaan yang semakin tinggi. Pelanggan kita sentiasa mahukan perkhidmatan yang berkualiti, cepat dan tepat. Mereka juga mahukan persekitaran perkhidmatan yang kondusif di mana mereka boleh berurusan dengan kerajaan tanpa mengira waktu dan tempat. Ini memerlukan agensi Kerajaan khususnya Kementerian ini merancang dengan lebih rapi dan teliti dalam menyediakan perkhidmatan yang menjangkau ekspektasi serta kehendak pelanggan secara lebih efektif dan berkesan.

Akhir sekali, bagi pihak Y.B Menteri Kerja Raya Malaysia, saya dengan secara rasminya menutup Majlis Taklimat Pembentangan Program Ekspedisi Jalan Persekutuan Bilangan 4/2009 (Jalan Persekutuan Felda Semenanjung Malaysia).

Sekian, terima kasih.